Sepuluh langkah kurangkan kos perniagaan

UM 2 1 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Kerajaan akan melaksanakan 10 langkah baru untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia bagi meningkatkan daya saing negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terus berusaha membantu syarikat-syarikat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan melalui beberapa langkah yang diperkenalkan dalam setiap bajet tahunan.

Langkah-langkah cadangan itu ialah:-

●Bukan pemastautin dicadangkan tidak lagi dikenakan cukai pendapatan ke atas bayaran bagi perkhidmatan yang disediakan di luar negara.

●Syarikat tidak lagi perlu menjelaskan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang gagal dipungut dan cukai gagal dipungut dikira hutang lapuk serta layak dapat pulang balik cukai.

●Kaedah pengiraan cukai jualan barangan buatan tempatan diseragamkan dengan kaedah penilaian barangan import iaitu berdasarkan nilai transaksi sebenar.

●Galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi syarikat penyedia khidmat penjimatan tenaga yang tamat pada akhir tahun 2002, dilanjutkan selama tiga tahun lagi sehingga 31 Disember 2005.

●Tempoh menghapus kira perbelanjaan modal ke atas syarikat melabur dalam peralatan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri dipercepatkan daripada tiga tahun kepada setahun.

●Pendapatan yang diterima bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor bukan pemastautin dikenakan cukai pendahuluan sebanyak 10 peratus ke atas syarikat dan 3 peratus ke atas pekerja.

●Duti import dan cukai jualan ke atas beberapa jenis kertas berkualiti bagi tujuan percetakan buku yang berkualiti dikecualikan duti import dan cukai jualan.

●Perkhidmatan kiriman cepat ke luar negara diberikan pengecualian cukai perkhidmatan berbanding lima peratus sebelumnya.

Profesional

●Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan profesional yang diberi kepada syarikat dalam kumpulan yang sama dikecualikan.

●Pengimportan barangan melalui perkhidmatan ekspres kargo udara di KLIA bernilai sehingga RM500 dikecualikan daripada duti import dan cukai jualan berbanding RM200 sebelumnya dan kini diperluaskan kesemua lapangan terbang antarabangsa di Malaysia. Ia, bagaimanapun tidak meliputi rokok dan minuman keras.